

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]
TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sementara harga gula di Malaysia ditetapkan pada RM2.80/kg harga antarabangsa setakat ini adalah lebih kurang RM1.50. Berapa jumlah subsidi Kerajaan untuk sekilo dan jumlah bayaran subsidi setahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasaran gula antarabangsa adalah merupakan pasaran komoditi yang sangat aktif di mana pasarannya sentiasa turun dan naik setiap hari. Harga RM1.40 seperti yang diwar-warkan adalah merupakan anggaran harga yang tidak tetap. Ianya bukanlah harga akhir bagi komoditi gula tersebut kerana harga tersebut tidak termasuk kos-kos lain yang berkaitan seperti kos penghantaran dari negara pengeluar asal gula tersebut (contoh Brazil), kos penyimpanan di dalam gudang, kos pembungkusan, kos logistik dan dokumentasi serta pelbagai lagi kos-kos yang lain. Jika diambilkira kesemua kos-kos tersebut, harga gula tersebut telah jauh melebihi RM1.40 sekilogram. Jika dikaji, Malaysia mempunyai harga runcit gula yang kedua terendah di kalangan negara ASEAN selepas Thailand yang merupakan antara negara pengeluar gula terbesar.

Pada masa ini, gula tidak lagi diberikan subsidi setelah Kerajaan memutuskan untuk menarik balik pemberian subsidi gula semasa Pembentangan Bajet 2014 berkuatkuasa mulai 26 Oktober 2013.

Tuan Yang Di-Pertua,

Gula dan beras adalah merupakan sebahagian daripada bahan makanan utama yang digunakan di negara ini. Ianya dijadikan kawalan melalui Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana Kerajaan ingin mewujudkan kestabilan bekalan makanan di dalam negara. Kerajaan perlu memastikan bahan makanan ini sentiasa mencukupi bagi

keperluan rakyat pada setiap masa. Kajian yang terperinci diperlukan jika barang tersebut dicadang dikeluarkan daripada senarai barang-barang kawalan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 68

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan laporan terkini kes nahas MH17 serta tindakan undang-undang terhadap pelaku jenayah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan ICAO Annex 13 merupakan siasatan dari aspek teknikal yang bertujuan bagi mengelakkan peristiwa yang sama berulang di masa akan datang. Siasatan ini tidak bertujuan untuk mencari serta mendakwa sesiapa yang menjadi penyebab sesuatu kemalangan udara tetapi adalah untuk mencari sebab sesuatu insiden atau *accident* berlaku dan membuat *Safety Recommendation*. Pasukan siasatan ini diketuai oleh negara Belanda dan dianggotai oleh Malaysia, Ukraine, Rusia, Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom sebagai Accredited Representative (AR). Dua (2) negara dilantik sebagai pemerhati iaitu Belgium dan Jerman kerana terdapat rakyatnya yang terkorban dalam kejadian ini.

Berdasarkan *Preliminary Report* yang dikeluarkan oleh pihak *Dutch Safety Board* sebagai ketua penyiasat telah memaklumkan bahawa MH17 telah jatuh kerana terkena serpihan tembakan dari *Missile* dan bukan kerana kerosakan mekanikal atau *structural*.

Oleh kerana siasatan masih belum tamat, pelaku jenayah belum dikenalpasti. Oleh itu, tindakan undang-undang belum dapat diambil.